USIM PRAGMATIS

# SEMINAR PRAGMATIS:

## Perkongsian Amalan Terbaik dalam **Pengurusan Universiti**

**14-15 Mac 2017 | 8.00 pagi – 5.00 petang**
**Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan**

# SALAH GUNA ASET: PERANAN PENTADBIR UNIVERSITI



# AHLI KUMPULAN



Hafizah Marzuki



Intan Zurina Md Naain



Nur Farzana Rahaizak



Alliza Ayob



# DEFINASI



PENTADBIR UNIVERSITI

Pegawai Pengurusan & Profesional



**FRAUD**

BNM-Penipuan berniat melibatkan transaksi kewangan untuk faedah sendiri



**SALAH**

GUNA ASET

*Misappropriation of assets… "The unlawful taking of assets an employee for their own benefit"* (ACFE, 2014)

# FAKTA & NOMBOR

## … di Malaysia

Figure 1: Types of economic crime reported




pwc

*PwC's 2014 Global Economic Crime Survey*

SEMINAR PRAGMATIS: Perkongsian Amalan Terbaik dalam Pengurusan Universiti

Antara ciri-ciri tipikal bagi pelaku fraud di Malaysia




pwc

*PwC's 2014 Global Economic Crime Survey*

SEMINAR PRAGMATIS: Perkongsian Amalan Terbaik dalam Pengurusan Universiti

# Punca Berlaku Fraud…

**39%**

Kurang latihan kesedaran fraud yang memberi kesan kepada ketidakupayaan staf untuk untuk mengenal pasti simtom fraud “red flags”

Wujud kelemahan kawalan dalaman di organisasi

68%

KPMG

The KPMG Malaysia Fraud, Bribery and Corruption Survey 2013

**26%**

Staf bersubahat dengan pihak ketiga

29%

Pengurusan tidak mematuhi sistem kawalan yang diwujudkan




ACFE
Association of Certified Fraud Examiners

# *The FRAUD TREE*

## TEKANAN

- Hutang
- Dadah
- Tamak

## PELUANG

- Kurang kawalan dalaman
- Pengurusan lemah
- Kurang pemantauan

# ***Teori "Fraud Diamond"***

## RASIONALISASI

- Pinjam
- Budaya
- Tiada hukuman

## KEUPAYAAN

- Kepakaran
- Kedudukan
- Pangkat

**(Wolfe&Hermanson, 2004)**

# Hubungkait

## *Seleweng Duit & Teori Fraud Diamond*



**PELUANG**

Tugasan pekerja tidak dipantau dan semua proses terimaan wang dikendali oleh pekerja itu sendiri.

**TEKANAN**

Pekerja menghadapi masalah keberhutangan yang serius.

**RASIONALISASI**

Pekerja hanya "pinjam" dan akan memulangkan semula.

**KEUPAYAAN**

Pekerja merupakan seorang kerani akaun dan mempunyai akses kepada wang tunai



كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ ۗ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ
لَكَانَ خَيْرًا لَّهُم ۚ مِّنْهُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ
ٱلْفَٰسِقُونَ ١١٠

*Surah Al-Imran:110*




# *Cegah Fraud…*

## *Peranan Siapa?*

# *Peranan Pentadbir Universiti…*



PEMERIKSAAN MENGEJUT

AUDIT KENDIRI

PROFESSIONAL SKEPTICISM

QUDWAH HASANAH

90%

responden menjadikan pemeriksaan mengejut sebagai salah satu program anti-fraud

Pemeriksaan Mengejut

*Asas kawalan dalaman organisasi*

# FAEDAH # 1

SOP dan peraturan dipatuhi

# CONTOH

- ✓ Wang tunai
- ✓ Barang menarik
- ✓ Aset bernilai

# FAEDAH # 2

Kecemerlangan berterusan

# FAEDAH # 3

Aset wujud & selamat

KAEDAH

*Senarai semak*

OBJEKTIF # 1

*Pengesahan pematuhan*

OBJEKTIF # 2

*Penambahbaikan yang berterusan*

OBJEKTIF # 5

*Penerapan Nilai-nilai murni*



# Audit Kendiri

*(Self Auditing) budaya korporat yang praktikal*

OBJEKTIF # 3

*Pengukuran kualiti secara objektif*

OBJEKTIF # 4

*Budaya kerja Amalan terbaik*

KHAMIS 24 MAC 2016 BH

# Semua perlu bekerjasama kekang ketirisan

## *Ketua jabatan wajar bentuk sistem pemantauan, kaji semula SOP*



AKHBAR SATAR
akhbar.satar@gmail.com

Susunan pelbagai barang yang dirampas dan disita oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan sendiri menunjukkan betapa serius dan komited agensi penguat kuasa menangani isu rasuah di negara ini. Sementara siasatan masih dijalankan, kenyataan yang dibuat oleh Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Azam Baki pada 19 Mac lalu juga memperlihatkan jenayah rasuah boleh berlaku di mana-mana sahaja, sama ada oleh orang dalam sesebuah agensi atau organisasi sendiri ataupun ekoran kerjasama atau pembabitan pihak luar.

Beberapa hari sebelum sidang media oleh Azam, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Khusairi Yahya dipetik sebagai berkata, hasil kajian dari 2010 hingga 2015 menunjukkan peningkatan dalam kes tuntutan palsu dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan khususnya pembelian terus dan

sebagai syarat mematuhi peraturan.

Bentuk kesalahan kerap dilakukan oleh syarikat pembekal pula termasuk menyogok pegawai untuk memenangi projek atau kontrak ditawarkan, peranan orang tengah yang mengumpulkan profil syarikat lain untuk memasuki sebut harga, meraikan pegawai bagi tujuan melobi projek, membayar rasuah untuk mendapatkan surat sokongan orang kenamaan, membuat tuntutan penuh sedangkan pembekalan barangan tidak lengkap atau mencukupi dan mengurangkan kualiti barangan yang dibekalkan.

### Jejas kualiti perkhidmatan

Amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam sistem perolehan akan mendatangkan kesan amat negatif. Ia bukan sahaja memberi kesan kepada masyarakat selaku pengguna, tetapi juga terhadap pegawai agensi terbabit serta di pihak ken-

Peranan Bersama

Sistem Pemantauan

Kawalan Dalaman

# PROFESSIONAL SKEPTICISM



*Penilaian kritikal berdasarkan bukti*

1 Soal Minda 

2 Pertimbangan Terperinci

3 Carian Info 

4 Pemahaman Interpersonal

5 Keupayaan Diri

6 Keyakinan Diri

BUKTI KUKUH

SEMAKAN KOMPREHENSIF

KEPUTUSAN TEPAT

# Kemewahan luar biasa patut cetus curiga

Baru-baru ini kita sekali lagi dikejutkan dengan penahanan seorang Ketua Setiausaha (KSU) sebuah kementerian serta dua anak lelakinya oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes menyalahgunakan kuasa, jawatan dan kedudukan untuk menerima rasuah.

Melalui penahanan itu, SPRM merampas dan menyita sejumlah wang tunai serta jongkong emas bernilai jutaan ringgit, selain merampas beberapa barangan mewah, termasuk jam, beg tangan, pen dan sejumlah mata wang asing.

Isu penahanan akibat daripada jenayah rasuah bukanlah satu isu yang baharu. Pada tahun lalu, kita digemparkan dengan pendedahan SPRM yang merampas RM114.5 juta daripada dua pegawai kanan sebuah agensi kerajaan di Sabah yang didakwa menyalahgunakan kuasa membabitkan projek infrastruktur bernilai RM3.3 bilion.

Kes itu dianggap sebagai kes terbesar dalam sejarah penguatkuasaan pencegahan rasuah oleh SPRM. Pendedahan demi pendedahan yang dibuat oleh agensi itu menunjukkan bahawa usaha bagi membendung serta menghapuskan kegiatan rasuah dalam negara kita memerlukan tempoh yang panjang.

Untuk membendung serta menghapuskan kegiatan rasuah, semua pihak perlu memainkan peranan supaya kegiatan rasuah tidak menjadi satu wabak dalam negara.

## Pengukuhan perundangan

Pelbagai langkah diambil bagi menangani masalah rasuah seperti pengukuhan aspek perundangan, melahirkan kesedaran mengenai bahayanya rasuah serta kesan buruk rasuah melalui sistem pendidikan di peringkat sekolah, serta kewujudan agensi khas khusus bagi memerangi amalan rasuah seperti SPRM.

Namun, segala usaha yang diambil itu tidak akan membawa apa-apa makna sekiranya masyarakat tidak mengambil bahagian bagi mencegah amalan rasuah itu sendiri.

Orang ramai perlu berani tampil melaporkan sesuatu perkara yang mencurigakan pada pandangan mereka yang boleh dikaitkan dengan kegiatan rasuah. Perubahan cara hidup seseorang ke arah kehidupan yang 'luar biasa mewah' tanpa sebarang sebab serta yang berlaku dalam sekelip mata boleh menjadi bukti.

Jika diteliti melalui pendedahan kes membabitkan KSU dan kes di Sabah pada tahun lalu, suspek dilihat memiliki pelbagai barangan mewah luar biasa yang tidak mungkin dimiliki oleh mana-mana penjawat awam.

Walaupun penjawat awam dalam negara kita mempunyai pendapatan tinggi namun dengan keadaan ekonomi serta kos sara hidup yang kian meningkat, pendapatan dimiliki oleh seseorang penjawat awam hanya cukup bagi menampung kehidupan sederhana bukannya kehidupan mewah luar biasa seperti seorang jutawan.

Oleh itu, adalah lebih baik sekiranya orang sekeliling mengamalkan budaya mengambil tahu dan berani bertanya mengenai sumber pendapatan dimiliki oleh suspek berkenaan dan sekiranya beranggapan sesuatu perkara pelik, janggal atau tidak kena berlaku mereka juga harus berani melaporkan perkara berkenaan kepada pihak sepatutnya.

## Lapor pihak atasan

Ini boleh dilakukan melalui aduan atau laporan dibuat kepada pihak atasan atau unit undang-undang di jabatan masing-masing ataupun terus kepada pihak berkuasa seperti SPRM. Orang awam perlu memainkan peranan dengan menjadi mata dan telinga terhadap kejadian rasuah serta membantu semua pihak yang berkaitan bagi membanterasnya.

Gaya hidup mewah luar biasa seseorang individu yang disyaki terbabit dalam kegiatan rasuah ini boleh digunakan sebagai bahan bukti di mahkamah melalui Seksyen 8 (2) Akta Keterangan 1950 bagi mensabitkan suspek terhadap kesalahan yang berkaitan...

**Komentar**



**Dr Muzaffar Syah Mallow**

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*BERITA HARIAN*
*11 Jan 2017*

# QUDWAH HASANAH

*Kepimpinan yang dicontohi*



## 1# HAPUSKAN

*Toxic Leaders*

Kepimpinan buruk

## 2# PERTAHAN

*The Pygmalion Effect*

Prinsip Kepimpinan




- ❑ BERILMU
- ❑ IKHLAS
- ❑ BERKASIH SAYANG
- ❑ BERIMAN
- ❑ BERAMAL SOLEH

**Komunikasi** yang berkesan



Teguran & tindakan **berhikmah**



# KESIMPULAN

Kefahaman –
*Fakta & Isu*

Kesedaran –
*Peranan Pentadbir*

Keyakinan –
*Prinsip & Teori*

## PENCEGAHAN

- ❑ Pemeriksaan Mengejut
- ❑ Audit Kendiri
- ❑ Professional Skepticism
- ❑ Qudwah Hasanah





KADAR KES
*Salah guna aset*

Kampus USIM, Kampus Barakah